

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

Program Ijazah Luaran  
Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian)

**YBP 224 – PERHUBUNGAN AWAM**

Masa : 2 jam

---

**Arahan Kepada Calon:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

---

1. Terdapat pelbagai definisi Perhubungan Awam, namun ada persamaan yang ketara di antara definisi-definisi tersebut. Nyatakan beberapa definisi oleh sarjana yang anda tahu dan bincangkan sekurang-kurangnya lima elemen yang penting dalam definisi-definisi perhubungan awam tersebut. Gunakan contoh-contoh yang relevan.
2. Hospital Pulau Pinang telah meminta bantuan kelas anda untuk merancang kempen derma darah yang akan diadakan di seluruh Pulau Pinang. Kelas anda telah mengadakan sesi "brainstorming" untuk menghasilkan kertas cadangan yang menjanjikan kejayaan kempen tersebut.

Bincangkan proses perancangan kempen ini dan jelaskan apakah langkah-langkah penting yang perlu ada dalam cadangan tersebut.

3. Anda adalah pegawai perhubungan awam dalam satu syarikat pembuatan yang terkemuka. Syarikat ini telah menempa beberapa kejayaan dalam industri yang diceburinya. Walau bagaimanapun publisiti mengenai syarikat anda ini terlalu kurang di dalam media tempatan maupun luar negara.
  - (a) Bagaimanakah anda membina publisiti mengenai pencapaian syarikat ini dan memastikan ianya dilaporkan dalam media khususnya media tempatan.
  - (b) Nyatakan media yang akan anda gunakan mengikut keutamaan dan bincangkan justifikasi memilih media tersebut.